



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

OPS GERAK 2025: JAS KOMITED MELALUI TINDAKAN BERSEPADU KAWAL PENCEMARAN KENDERAAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini melancarkan **Minggu Operasi Gerak Kenderaan Motor Peringkat Kebangsaan 2025** sebagai usaha berterusan memastikan pematuhan standard pelepasan kenderaan di seluruh negara. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar**, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar.

Program ini dilaksanakan melalui kerjasama erat bersama Majlis Bandaraya Kuching Selatan serta agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Bagi memastikan kualiti udara sentiasa terpelihara, JAS terus memperkukuh tindakan penguatkuasaan terhadap pelepasan asap kenderaan, meskipun hanya disokong oleh **94 orang pegawai Unit Kenderaan Bermotor** di seluruh negara. Antara operasi utama yang dijalankan termasuk:

- **Ops Gerak / Statik - 509 bilangan operasi**
- **Ops Catat / Kamera Video - 3058 bilangan operasi**

Sepanjang Januari hingga Oktober 2025, melalui **5,026 operasi** yang telah dijalankan JAS merekodkan:

- **312,178 kenderaan diperiksa,**
- **883 kompaun dikeluarkan,** dan
- **50 Perintah Larangan** ke atas kenderaan yang melepasi had pencemaran.

Bagi negeri Sarawak sahaja, sebanyak **3,441 pemeriksaan** telah dilaksanakan dengan **45 kompaun** dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang gagal mematuhi standard pelepasan.

Ops Gerak Kebangsaan akan dilaksanakan serentak di seluruh negara pada **minggu kedua bulan Disember**, dan operasi ini akan diteruskan secara berkala dari semasa ke semasa.

- JAS mengingatkan pemilik kenderaan komersial, industri dan persendirian agar:
- Memastikan kenderaan diselenggara dengan baik;
- Mematuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan; dan
- Mengelakkan pengubahsuaian yang menyebabkan pelepasan asap berlebihan atau pencemaran bunyi sehingga mengganggu ketenteraman awam.

Bagi mengukuhkan keberkesanan operasi di lapangan, JAS telah dilengkapi dengan peralatan pengukuran dengan teknologi terkini yang merangkumi:

- 22 unit meter asap (diesel)
- 14 unit gas analyser baharu (petrol)
- 14 unit Sound Level Meter bagi pengukuran bunyi

Perolehan aset dengan teknologi terkini diharapkan dapat membantu meningkatkan ketepatan pemeriksaan dan kecekapan tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar dalam ucapannya menegaskan:

“JAS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan, JAS menyeru semua sektor kerajaan, industri dan masyarakat untuk bersama-sama memperkuat budaya penjagaan alam sekitar. Tindakan kecil seperti penyelenggaraan kenderaan yang baik mampu memberi impak besar kepada kualiti udara .”

JAS akan terus meningkatkan operasi pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan standard pelepasan kenderaan dipatuhi serta kualiti udara negara kekal pada tahap yang selamat dan mampan.

JABATAN ALAM SEKITAR
4 DISEMBER 2025

